

Dua jam terkandas banjir kilat

Kira-kira 20 kenderaan terperangkap dalam bah setinggi 1.5 meter

JOHORBAHRU – Hujan lebat berterusan kira-kira jam 12 tengah hari, semalam, di bandar raya ini menyebabkan Jalan Wong Ah Fook, di sini dan kawasan di sekitarnya banjir kilat setinggi 1.5 meter, sekali gus melumpuhkan keseluruhan laluan masuk ke bandar raya itu untuk beberapa jam.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, banjir kilat yang berlaku itu turut menyebabkan jalan menghala ke pusat beli belah City Square dan Komtar JBCC terpaksa ditutup.

Menurutnya, bagaimanapun, banjir mulai beransur surut dan jalan satu lorong telah dibuka semula kepada lalu lintas lebih kurang jam 2.15 petang.

"Keadaan ini mengakibatkan kira-kira 20 kereta dipercayai terperangkap, namun tidak melibatkan kemalangan jiwa.

"Pengguna jalan raya dinasihatkan tidak menggunakan jalan tersebut dan melalui jalan alternatif untuk mengelak kesesakan serta mematuhi arahan anggota trafik yang mengawal aliran lalu lintas," katanya.

Dalam kejadian itu, seorang wanita berjaya diselamatkan anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Johor Bahru selepas terperangkap dalam kenderaannya ketika banjir kilat di Jalan Wong Ah Fook.

Pegawai Pertahanan Awam Johor Bahru, Leftenan Muda (PA) Mohd Aziz Jupri berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 12.39 tengahari.

"Kami menghantar bantuan ke be-



Ruang parkir di Merlin Tower dipenuhi banjir.

berapa kawasan yang terjejas teruk akibat banjir kilat termasuk di Jalan Wong Ah Fook dan berjaya membantu seorang wanita berusia 20-an yang terperangkap dalam kereta," katanya.

Mohd Aziz berkata, berdasarkan maklumat Pusat Pengurusan Bencana Daerah Johor Bahru, banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada hujan lebat yang berlaku serentak dengan kejadian air pasang penuh.

Sementara itu, air naik terlalu pantas menyebabkan kebanyakan orang awam yang berada di sekitar Jalan Wong Ah Fook tidak dapat meneruskan urusan mereka hampir dua jam.

Pegawai Pemasaran dan Jualan, Nor Azlah Mohd Tab, 28 berkata, dia terpaksa menunggu selama hampir dua jam untuk pulang semula ke pejabatnya di kawasan berhampiran



Anggota JPAM membantu menyelamatkan wanita yang terperangkap dalam kereta.

selepas terperangkap di laluan yang dinaiki air.

"Saya berada di kompleks City Square sekitar jam 11.30 pagi.



Keadaan banjir kilat yang berlaku di Jalan Wong Ah Fook yang diambil dari pandangan atas.

"Selepas selesai urusan saya ingin pulang semula ke pejabat tetapi hujan terlalu lebat. Sekitar jam 12.15 tengah hari air mula naik," katanya.

Dia yang terpaksa menunggu lebih lama sehingga hujan reda dan menggunakan laluan lebih jauh untuk pulang ke pejabatnya kerana keadaan banjir yang teruk di kawasan berkenaan.

"Ramai yang terperangkap di kawasan itu. Puluhan kenderaan turut terjejas hingga menyebabkan kesesakan teruk," katanya.